

VC sambut baik sokongan berterusan kepada UCSF.

January 18, 2023 : Harian Express (Page 3)

VC sambut baik sokongan berterusan kepada UCSF

KOTA KINABALU: Naib Canselor (VC) Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF) Dr Rafiq Idris (**gambar**) menyambut baik serta berterima kasih kepada Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor dan Kerajaan Negeri atas sokongan berterusan mereka.



"Ini akan membolehkan universiti mengukuhkan kapasiti penyelidikannya dan memainkan peranan penting dengan menjalankan penyelidikan strategik mengenai pembangunan yang bermanfaat untuk Sabah," katanya.

Pada Konvokesyen ke-2 UCSF di sini baru-baru ini, Hajiji yang juga Canselor UCSF berkata Kerajaan Negeri menyokong pembangunan kolej universiti tunggalnya sambil mencadangkan ia diperluaskan ke Pantai Timur secara berperingkat melalui penubuhan kampus mini.

Hajiji juga mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk UCSF seperti yang diminta dan RM5 juta lagi bagi penubuhan kursi akademik untuk kajian pembangunan Sabah.

Konvokesyen itu menyaksikan 459 pelajar, daripada jumlah keseluruhan 566 pelajar yang menamatkan pengajian, menerima skrol graduan mereka.

Daripada 566 graduan, 247 menamatkan program ijazah sarjana muda, 316 pengajian diploma dan tiga menamatkan program sijil asas.

Dalam ucapannya, Dr Rafiq mengucapkan tahniah kepada semua graduan dan ibu bapa mereka, sambil berkongsi sejarah penubuhan UCSF yang berop-

erasi selama lebih lapan tahun.

"Mengimbas kembali sejarah penubuhan universiti kolej ini, kita dapat lihat ia diilhamkan atau disemarakkan oleh Bapa Kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, seawal tahun 1960-an.

"Ketika itu, Allahyarham Tun Datu Mustapha menyatakan hasratnya untuk membina sebuah kolej universiti di Sabah melalui sebuah yayasan yang akan ditubuhkan iaitu Yayasan Sabah. Selepas 40 tahun penubuhan Yayasan Sabah, UCSF ditubuhkan dan didaftarkan pada 2014," katanya.

Beliau juga menyampaikan hasratnya agar graduan UCSF akan terus menyumbang kepada universiti, masyarakat, negara, dan kemanusiaan secara amnya.

"Sebagai graduan UCSF, anda boleh memainkan pelbagai peranan dalam proses pembangunan negara," kata Dr Rafiq.

Beliau turut menyuarakan hasrat dan harapannya untuk universiti itu, selain mencadangkan agar universiti itu dikembangkan secara beransur-ansur ke Pantai Timur berdasarkan permintaan.

Selain itu, beliau meminta peruntukan khas untuk geran penyelidikan, projek perundingan, projek perintis pengeluaran batik botani dan lain-lain keperluan operasi. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa UCSF masih belum mempunyai kursi akademik.

Bagi membina budaya penyelidikan dan merangsang penyelidikan mengenai pembangunan Sabah, beliau mencadangkan untuk menubuhkan kursi akademik bagi kajian pembangunan Sabah.

Hadir sama, Pro-Canselor UCSF Dato' Sri Haji Gulamhaidar Khan Bahadar.